

Dekatkan UMNO de

UM 20 DEC 1999

10

Oleh MIR AZRI SHAHARUDIN

KOTA TINGGI 19 Dis. - UMNO perlu menganjurkan program yang boleh mendekatkan parti itu dengan golongan muda supaya generasi itu tidak merasa disisih.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mulai sekarang UMNO perlu mengenal pasti program-program yang menjadi minat golongan belia supaya mereka tidak merasa asing dengan UMNO.

Menurutnya, golongan belia juga perlu ditanamkan kesedaran bahawa mereka juga mempunyai hak dalam

UMNO dan dengan cara itu ia dapat menimbulkan perasaan sayang kepada perjuangan UMNO.

"Sekarang kita (UMNO) perlu adakan program yang belia suka. Kita mesti mengenal pasti apa minat belia supaya mereka tidak merasa terpisah daripada arus perjuangan UMNO.

"Yang kita hendak menentukan ialah belia tidak merasa diri mereka asing daripada UMNO dan UMNO adalah sebahagian daripada hak belia," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas program terbuka puasa bersama rakyat di kediamannya di sini, malam tadi.

ngan generasi muda

Syed Hamid yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO berkata, pada pilihan raya umum lalu, ramai anak muda telah menolong UMNO malah banyak memainkan peranan menggerakkan jentera pilihan raya parti di Kota Tinggi.

Menurutnya, ekoran daripada minat golongan tersebut terhadap UMNO, beliau berpendapat parti tersebut perlu mencari kaedah terbaik menghampiri golongan belia.

Beliau berkata, UMNO tidak boleh berpeluk tubuh.

"UMNO perlu membuat program-program untuk mendekatkan rakyat yang telah memberikan kita sokongan

dan mencari jalan bagaimana mengatasi masalah rakyat," kata Syed Hamid yang juga Ketua UMNO Kota Tinggi.

Katanya, UMNO bahagian Kota Tinggi melalui dua wakil rakyatnya yang telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Sedili dan Pengerang pada pilihan raya umum lalu akan mengadakan pertemuan dengan rakyat bagi mengetahui masalah mereka.

Menurut beliau, program itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang mahu wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mengambil berat kebajikan penduduk kawasan yang mereka wakili.